



Ruj. Kami : KP(BTP-PPSB)8817/3/4 Jld.2 (20)

Tarikh : 31 Julai 2013 / 29 Ramadan 1434H

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri
(seperti Lampiran)

YBhg. Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PENARAFAN PEMBESTARIAN SEKOLAH MENGGUNAKAN SMART SCHOOL
QUALIFICATION STANDARDS (SSQS) TAHUN 2013**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan penarafan pembestarian sekolah menggunakan *Smart School Qualification Standards (SSQS)* bagi memenuhi komitmen dalam Pelan Pembestarian Pendidikan Sekolah dan pelaporan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Sekolah Bestari, KPM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia serta Mesyuarat *Flagship Coordination Committee (FCC)* yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara.

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, Indikator dan instrumen SSQS telah dibuat penambahbaikan dengan memasukkan elemen Sistem Pengurusan Sekolah (SPS), pelantar pembelajaran maya (*Virtual Learning Environment*) dan Pusat Sumber Sekolah (PSS). Indikator SSQS 2.0 ini mempunyai lima (5) domain iaitu Domain Penggunaan (30%), Domain Modal Insan (30%), Domain Aplikasi (10%), Domain Infrastruktur (10%), dan Domain Pusat Sumber Sekolah (20%).

4. SPS telah diperluaskan ke semua sekolah mulai Julai 2013 dan semua sekolah telah disediakan dengan pelantar pembelajaran maya mulai 2012. Instrumen penarafan SSQS 2.0 bagi tahun 2013 akan menggunakan aplikasi *Google Docs* dan di *web host* di laman web BTPN negeri masing-masing.

5. Penarafan SSQS ini akan diselaras, dipantau dan dibimbing pelaksanaanya oleh pegawai di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) dan Pusat Kegiatan Guru (PKG). Tempoh pelaksanaan penarafan bagi tahun ini adalah bermula dari **2 hingga 30 September 2013**.



6. Pada tahun 2013, pemverifikasian terhadap penarafan SSQS akan dilakukan oleh pihak Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bersama dengan Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) ke sekolah-sekolah. Pemverifikasian ini dijangka dilaksanakan dalam bulan Oktober 2013.

7. Sehubungan itu, YBhg. Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan dipohon untuk mengambil maklum dan seterusnya memanjangkan perkara ini kepada pihak sekolah. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada pegawai SSQS di BTPN/PKG masing-masing berkaitan penarafan ini.

8. Atas sokongan dan perhatian pihak YBhg. Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(ROSNANI BINTI MOHAMED ALI)
Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)